

Permohonan Dalam Talian Pinjaman/Pembiayaan-i Hartanah: Pemberian Baucar Tunai SENHENG RM50

TEMPOH PROMOSI

1. “Permohonan Dalam Talian Pinjaman/Pembiayaan-i Hartanah: Pemberian Baucar Tunai SENHENG RM50” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad/Hong Leong Islamic Bank Berhad (secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada **10 Feb 2018** dan berakhir pada **31 Mac 2018**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), kecuali dinyatakan sebaliknya.

Terma & Syarat

Terma dan syarat yang digariskan berikut terpakai untuk Promosi (“T&C”).

KELAYAKAN

2. Promosi ini terbuka untuk disertai oleh semua pelanggan individu sedia ada dan baru Bank warga Malaysia yang adalah pengguna berdaftar Perbankan Internet Hong Leong Connect dan/atau Connect App (“Pengguna Connect”). Bagi mengelakkan keraguan, pelanggan individu baru merujuk kepada individu yang bukan Pengguna Connect sebelum Tempoh Promosi dan didaftarkan sebagai Pengguna Connect semasa Tempoh Promosi.
3. Untuk mengambil bahagian dalam Promosi ini, Pengguna Connect dikehendaki memohon secara dalam talian melalui URL: www.hlb.com.my/DM atau www.hlisb.com.my/DM untuk Pinjaman/Pembiayaan-i Hartanah di bawah nama tunggal Pengguna Connect tanpa mana-mana pemohon bersama dan penjamin bagi maksud membiayai pembelian harta kediaman siap dan dalam pembinaan semasa Tempoh Promosi (“Permohonan Dalam Talian”). Pengguna Connect haruslah terlebih dahulu layak untuk Permohonan Dalam Talian berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Pengguna Connect (“Pelanggan Layak”) dan mana-mana Permohonan Dalam Talian tidak boleh disifatkan sebagai kelulusan akhir Pinjaman/Pembiayaan-i Hartanah oleh Bank.
4. Untuk mengelakkan keraguan, individu berikut TIDAK layak menyertai Promosi ini:
 - (i) Pengguna Connect yang telah memohon Pinjaman/Pembiayaan-i Hartanah daripada Bank dalam tempoh tiga (3) bulan yang lalu sebelum bermulanya Tempoh Promosi dan masih menunggu keputusan Bank bagi permohonan atau penerimaan pelanggan terhadap tawaran.
 - (ii) Pengguna yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi.

TATA CARA PROMOSI

5. Terdapat sejumlah seratus tujuh puluh lima (175) keping Baucer Tunai SENHENG RM50 (tersedia untuk pelanggan Bank selaras dengan promosi bersama) yang akan diberikan kepada Pelanggan Layak (secara kolektif dirujuk sebagai “Hadiah Permohonan Dalam Talian”) dan perunding jualan Bank akan menyerahkan Hadiah Permohonan Dalam Talian kepada Pelanggan Layak pada masa temu janji untuk mengambil dokumen sokongan daripada Pelanggan Layak untuk proses kelulusan Pinjaman/Pembiayaan-i Hartanah.
6. Pelanggan Layak berhak menerima satu (1) Hadiah Permohonan Dalam Talian berdasarkan siap cepat, dia dapat dan tertakluk kepada ketersediaan stok.
7. Penggunaan Hadiah Permohonan Dalam Talian adalah tertakluk kepada terma dan syarat ditentukan sepenuhnya oleh SENHENG Electric (KL) Sdn. Bhd. dan apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan dalam Hadiah Permohonan Dalam Talian. Sebarang pertikaian yang berkaitan dengan terma dan syarat Hadiah Permohonan Dalam Talian hendaklah diselesaikan secara langsung di antara Pelanggan Layak dan SENHENG Electric (KL) Sdn. Bhd. tanpa apa-

apa tuntutan terhadap Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan atau membatalkan Hadiah Permohonan Dalam Talian akibat pertikaian tersebut.

8. Hadiah Permohonan Dalam Talian tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai, kredit, cek atau barangan.

AM

9. Semua permohonan dalam talian untuk Pinjaman/Pembiayaan-i Hartanah adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan Bank dan Bank berhak untuk meluluskan atau menolak sebarang permohonan itu tanpa memberikan apa-apa sebab.
10. Semua paparan Hadiah Permohonan Dalam Talian dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah Permohonan Dalam Talian dalam sebarang bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah sebahagian daripada Hadiah Permohonan Dalam Talian.
11. Semua kos berkaitan dengan penghantaran atau pemasangan apa-apa barangan yang dibeli melalui Hadiah Permohonan Dalam Talian akan ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan Layak masing-masing dan Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk berhubung terus dengan SENHENG Electric (KL) Sdn. Bhd. bagi penggunaan Hadiah Permohonan Dalam Talian. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas ketidakterimaan apa-apa barang yang dibeli melalui penggunaan Hadiah Permohonan Dalam Talian oleh Pelanggan Layak.
12. Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian mana-mana barangan yang dibeli melalui penggunaan Hadiah Permohonan Dalam Talian dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana yang hilang, rosak, dicuri atau barangan yang rosak disebabkan oleh kecacatan dalam bahan atau mutu kerja oleh pengeluar dan/atau di bawah waranti peniaga atau sebaliknya. Bank tidak akan bertanggungjawab berhubung dengan penggunaan Hadiah Permohonan Dalam Talian atau barang-barang yang dibeli melalui penggunaan Hadiah Permohonan Dalam Talian dengan SENHENG Electric (KL) Sdn. Bhd. Pelanggan Layak haruslah berurusan terus dengan SENHENG Electric (KL) Sdn. Bhd (Khidmat Pelanggan: Tel: 03-9281 4040; atau e-mel terus ke <https://www.senheng.com.my/contact-us>) untuk sebarang aduan, waranti atau maklumat mengenai tawaran diskaun, mana-mana barangan yang dibeli melalui penggunaan Hadiah Permohonan Dalam Talian dari SENHENG Electric (KL) Sdn. Bhd, tanpa apa-apa tuntutan terhadap Bank.
13. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak bersetuju:
 - (i) untuk terikat dengan T&C yang terkandung di sini atau mana-mana terma dan syarat berkenaan lain yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu;
 - (ii) bahawa keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini termasuk kelayakan Hadiah Permohonan Dalam Talian hendaklah muktamad dan mengikat semua Pelanggan Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayan;
 - (iii) untuk mengakses www.hlb.com.my dan www.hlisb.com.my ("laman web Bank") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&C Promosi ini dan memastikan supaya mendapat maklumat terkini sebarang perubahan atau pindaan kepada T&C;
 - (iv) bahawa mereka akan bertanggungjawab dan harus menanggung semua cukai yang dikenakan, kadar, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini; dan
 - (v) bahawa semua tarikh dirakam dan dipaparkan di dalam rekod dan/atau sistem Bank adalah tepat dan muktamad.
14. Bank berhak untuk:
 - (i) menggantikan Hadiah Permohonan Dalam Talian dengan produk lain yang sama nilai pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu;

- (ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atai apa jua sebab sebagaimana Bank mengikut budi bicara mutlaknya menganggap wajar daripada menyertai Promosi; dan
 - (iii) menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah T&C yang terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlak Bank dengan cara menyiarkannya dalam laman web Bank, atau dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank dengan notis terlebih dahulu.
15. Pelanggan Layak bersetuju bahawa T&C yang terkandung di sini haruslah dibaca bersama-sama dengan terma dan syarat Pinjaman/Pembiayaan-i Hartanah sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan, T&C khusus yang terkandung di sini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
 16. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara T&C yang terkandung di sini berbanding pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Promosi ini, T&C terkini di laman web Bank akan diguna pakai.
 17. T&C yang terkandung di sini adalah tertakluk di bawah dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan pengguna Connect bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.